



PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA  
OFFICE OF DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF EDUCATION MALAYSIA  
SEKTOR OPERASI SEKOLAH  
SCHOOL OPERATIONAL SECTOR  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA  
ARAS 4 BLOK E2, KOMPLEKS E  
LEVEL 4 BLOCK E2 COMPLEX E  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTRE  
62604 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : +603-8884 9302  
Faks : +603-8888 6680  
Website : <http://www.moe.gov.my/>

Ruj. Kami : KPM.100-1/3/1 Jld.6 ( 44)  
Tarikh : 21 Julai 2021

**Semua Ketua Bahagian**  
**Semua Pengarah Pendidikan Negeri**

YBhg.Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan,

***SURAT PEKELILING IKHTISAS KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
BILANGAN 5 TAHUN 2021***

**PELAKSANAAN STANDARD KUALITI PRASEKOLAH KEBANGSAAN 2.0**

**TUJUAN**

Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) ini bertujuan untuk memaklumkan berkenaan Pelaksanaan Standard Kualiti Prasekolah Kebangsaan 2.0.

**LATAR BELAKANG**

2. Seiring dengan hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 - 2025 dalam meningkatkan kualiti prasekolah di Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan penarafan kualiti prasekolah menggunakan instrumen Standard Kualiti Prasekolah Kebangsaan (SKPK) mulai tahun 2015 hingga 2019. Penarafan kualiti prasekolah melibatkan semua prasekolah awam bawah KPM, Jabatan Kemajuan Masyarakat dan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional serta prasekolah swasta yang berdaftar dengan KPM.

3. Semakan SKPK telah dilaksanakan pada tahun 2018 dengan mengambil kira keperluan prasekolah Pendidikan Khas dan perubahan dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan Semakan 2017. SKPK edisi semakan ini

---

*Sila catatkan rujukan Pejabat ini apabila berhubung*

dikenali sebagai SKPK 2.0 dan akan diguna pakai bagi menggantikan SKPK sedia ada mulai tahun 2021.

4. SKPK 2.0 merupakan instrumen Penilaian Kendiri (PK) yang mengandungi lima (5) Dimensi Kualiti (DK) untuk menilai kualiti Program Pendidikan Prasekolah selaras dengan visi dan misi pendidikan negara menggunakan kriteria dan petunjuk yang sah dan setara seperti berikut:

- i. DK 1: Kualiti Guru dan Pembantu Guru/Pembantu Pengurusan Murid;
- ii. DK 2: Kualiti Tadbir Urus;
- iii. DK 3: Kualiti Kurikulum;
- iv. DK 4: Kualiti Pelibatan Ibu Bapa/Penjaga dan Komuniti; dan
- iv. DK 5: Kualiti Kesihatan, Pemakanan dan Keselamatan.

Instrumen ini ditadbir secara dalam talian dan merupakan modul tambahan dalam Sistem Maklumat Prasekolah Kebangsaan (SMPK). SMPK-Modul SKPK 2.0 merupakan satu sistem standard yang digunakan untuk merekod dan mengira skor setiap DK yang terdapat dalam SKPK 2.0.

5. Mesyuarat Profesional Kementerian Pendidikan Malaysia Bil. 20/2021 bertarikh 1 Jun 2021 telah meluluskan Garis Panduan Pelaksanaan Standard Kualiti Prasekolah Kebangsaan 2.0 dan Penilaian Kendiri SKPK 2.0 hendaklah dilaksanakan berdasarkan garis panduan tersebut.

## **PELAKSANAAN**

6. Garis Panduan Pelaksanaan Standard Kualiti Prasekolah Kebangsaan 2.0 yang disertakan bersama-sama SPI ini disediakan sebagai rujukan kepada semua prasekolah awam dan prasekolah swasta yang berdaftar dengan KPM. Setiap prasekolah berkenaan hendaklah meneliti dan memahami keseluruhan dokumen SKPK 2.0 bagi membolehkan PK-SKPK 2.0 dilaksanakan dengan tepat.

7. YBhg. Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan hendaklah memastikan semua prasekolah awam bawah KPM serta prasekolah swasta yang berdaftar dengan

KPM melaksanakan PK-SKPK 2.0 secara dalam talian melalui laman sesawang <https://smpk.moe.gov.my> pada setiap tahun mulai tahun 2021.

#### **TARIKH KUAT KUASA**

8. SPI ini **berkuat kuasa serta merta** mulai pada tarikh SPI ini dikeluarkan.

#### **PEMBATALAN**

9. Dengan berkuatkuasanya SPI ini, maka **Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 9 Tahun 2015: Pengisian Data Menerusi Instrumen Standard Kualiti Prasekolah Kebangsaan (SKPK) Tahun 2015** bertarikh 1 Julai 2015 adalah **dibatalkan**.

#### **TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN**

10. YBhg. Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan hendaklah mengambil tindakan dengan memaklumkan kandungan SPI ini kepada semua pegawai yang bertanggungjawab di bahagian KPM, jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah dan sekolah bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/Dr./tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

**“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”**

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,




**(DATO' HAJI ADZMAN BIN TALIB)**

Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
(Sektor Operasi Sekolah)

merangkap Timbalan Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru  
Kementerian Pendidikan Malaysia



- s.k.
1. YB. Menteri Kanan Pendidikan  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  2. YB. Timbalan Menteri Pendidikan I  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  3. YB. Timbalan Menteri Pendidikan II  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  4. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  5. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  6. Semua Timbalan Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  7. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  8. Penasihat Undang-Undang  
Kementerian Pendidikan Malaysia



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN  
STANDARD KUALITI PRASEKOLAH KEBANGSAAN 2.0**

**2021**

## 1.0 Pengenalan

- 1.1 Seiring dengan hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025 dalam meningkatkan kualiti prasekolah di Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan penarafan kualiti prasekolah menggunakan instrumen Standard Kualiti Prasekolah Kebangsaan (SKPK) mulai tahun 2015 hingga 2019. Penarafan kualiti prasekolah melibatkan semua prasekolah awam iaitu KPM, Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) dan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) serta prasekolah swasta yang berdaftar dengan KPM.
- 1.2 Terdapat keperluan untuk semakan semula SKPK setelah lima (5) tahun penggunaannya. Semakan ini bertujuan mengambil kira keperluan prasekolah Pendidikan Khas dan perubahan dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) Semakan 2017. Oleh yang demikian, semakan SKPK dilaksanakan pada tahun 2018. Prinsip semakan yang dilaksanakan adalah berdasarkan kriteria pengekalan format instrumen sedia ada, penyusunan semula item, penyelarasan semula frasa/ayat dan penambahan item khusus berkaitan Pendidikan Khas. SKPK edisi semakan ini dikenali sebagai SKPK 2.0 dan akan diguna pakai bagi menggantikan SKPK sedia ada mulai tahun 2021.
- 1.3 SKPK 2.0 merupakan instrumen Penilaian Kendiri (PK) yang mengandungi lima (5) Dimensi Kualiti (DK) untuk

menilai kualiti Program Pendidikan Prasekolah yang ditawarkan di Malaysia seiring dengan visi dan misi pendidikan negara menggunakan kriteria dan petunjuk yang sah dan setara. Lima (5) DK tersebut ialah DK 1: Kualiti Guru dan Pembantu Guru (PG)/Pembantu Pengurusan Murid (PPM), DK 2: Kualiti Tadbir Urus, DK 3: Kualiti Kurikulum, DK 4: Kualiti Pelibatan Ibu Bapa/Penjaga dan Komuniti dan DK 5: Kualiti Kesihatan, Pemakanan dan Keselamatan. Instrumen ini ditadbir secara dalam talian dan merupakan modul tambahan dalam Sistem Maklumat Prasekolah Kebangsaan (SMPK). SMPK-Modul SKPK 2.0 merupakan satu sistem standard yang digunakan untuk merekod dan mengira skor setiap DK yang terdapat dalam SKPK 2.0.

- 1.4 Garis Panduan Pelaksanaan Standard Kualiti Prasekolah Kebangsaan 2.0 merupakan dokumen yang menjelaskan tentang pelaksanaan SKPK 2.0.

## **2.0 Tujuan**

Garis panduan ini disediakan sebagai panduan atau rujukan yang standard dalam melaksanakan PK-SKPK 2.0 kepada semua prasekolah awam dan swasta yang berdaftar dengan KPM. Garis panduan ini juga menjadi rujukan kepada Bahagian KPM, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), KEMAS, JPNIN, swasta dan pemegang taruh (stakeholder).



### **3.0 Tafsiran**

#### **3.1 Standard Kualiti Prasekolah Kebangsaan**

Dokumen standard yang digunakan untuk menilai kualiti program prasekolah yang ditawarkan oleh prasekolah awam dan swasta yang berdaftar dengan KPM seiring dengan visi dan misi pendidikan negara menggunakan kriteria, petunjuk serta instrumen yang sah dan setara.

#### **3.2 Prasekolah**

Institusi pendidikan yang berdaftar dengan KPM dan menawarkan pendidikan awal kepada kanak-kanak berumur dari 4 hingga 6 tahun sebagai persediaan ke Tahun 1.

#### **3.3 Prasekolah Awam**

Prasekolah di bawah kawalan agensi kerajaan iaitu KPM, KEMAS dan JPNIN sahaja. Prasekolah KPM termasuk prasekolah aliran perdana, Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) dan Sekolah Pendidikan Khas (SPK).

#### **3.4 Prasekolah Swasta**

Prasekolah yang diusahakan oleh individu, pertubuhan atau organisasi swasta yang berdaftar dengan KPM.

#### **3.5 Pengarah/Pengetua/Guru Besar**

3.5.1 Pengarah merujuk kepada ketua jabatan di institut pendidikan guru kampus dan kolej vokasional.

3.5.2 Pengetua/Guru Besar merujuk kepada ketua jabatan sama ada di prasekolah awam atau swasta.



### **3.6 Guru Prasekolah**

Orang yang mengajar kanak-kanak berumur dari 4 hingga 6 tahun sama ada di prasekolah awam atau swasta.

### **3.7 Penyelaras Prasekolah**

Guru Prasekolah yang dilantik untuk menyelaras kelas prasekolah yang lebih daripada satu kelas sama ada di prasekolah awam atau swasta.

### **3.8 Jawatankuasa Prasekolah**

Jawatankuasa (JK) yang diwujudkan di bawah mana-mana JK yang bersesuaian untuk mengurus dan melaksanakan tugas bagi meningkatkan kualiti Program Pendidikan Prasekolah sama ada di prasekolah awam atau swasta.

## **4.0 Instrumen SKPK 2.0**

4.1 SKPK 2.0 merupakan instrumen PK secara dalam talian dan mengandungi lima (5) DK seperti berikut:

### **4.1.1 Dimensi Kualiti 1: Kualiti Guru dan PG/PPM**

Dimensi ini mengukur kualiti guru dan PG/PPM berdasarkan kelulusan akademik, profesional, pengalaman mengajar dan bekerja di prasekolah, peningkatan ilmu serta kemahiran menerusi penataran profesional iaitu latihan dan kursus secara berterusan dan kebolehan menjadi pakar rujuk/penceramah/ fasilitator dalam bidang prasekolah/pendidikan awal kanak-kanak.

#### **4.1.2 Dimensi Kualiti 2: Kualiti Tadbir Urus**

Dimensi ini mengukur sejauh mana institusi mempraktikkan sistem pengurusan dokumen berkualiti, iaitu matlamat, objektif dan maklumat lain yang penting direkodkan dalam dokumentasi yang padat dan tepat. Dimensi ini juga meliputi pengurusan sumber manusia termasuk penentuan nisbah murid-guru/PG/PPM dalam sesebuah kelas, penyediaan infrastruktur dan prasarana, pengurusan kurikulum, sistem sokongan dan tadbir urus kewangan.

#### **4.1.3 Dimensi Kualiti 3: Kualiti Kurikulum**

Dimensi ini mengukur sejauh mana guru mengikuti piawai yang ditetapkan dalam KSPK bagi merancang serta melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (PdP) dan pentaksiran murid. Dimensi ini turut meliputi penyediaan pusat pembelajaran, bahan bacaan, peralatan dan bahan PdP bagi menggalakkan pelibatan aktif murid.

#### **4.1.4 Dimensi Kualiti 4: Kualiti Pelibatan Ibu Bapa/Penjaga dan Komuniti**

Dimensi ini mengukur sejauh mana pihak prasekolah mewujudkan jalinan perkongsian antara guru/kakitangan dengan ibu bapa/penjaga serta komuniti berkaitan Program Pendidikan Prasekolah dan menggalakkan pembabitan

ibu bapa/penjaga serta komuniti memberi pandangan dan maklum balas dalam usaha merancang serta menambah baik program secara berterusan.

#### **4.1.5 Dimensi Kualiti 5: Kualiti Kesihatan, Pemakanan dan Keselamatan**

Dimensi ini mengukur sejauh mana amalan tahap kesihatan, kualiti pemakanan dan prosedur keselamatan dipraktikkan oleh guru/PG/PPM di prasekolah bagi melatih murid mengamalkan tabiat yang bersih dan selamat.

4.2 Item yang terkandung dalam DK SKPK 2.0 terbahagi kepada dua (2) iaitu item petunjuk objektif dan item petunjuk subjektif kecuali DK 1: Kualiti Guru dan PG/PPM hanya mengandungi item petunjuk objektif.

##### **4.2.1 Petunjuk Objektif**

Petunjuk ini digunakan untuk mengukur aspek kualiti yang dapat dilihat, diukur, dinilai dan ditentusahkan dengan cepat dan tepat.

##### **4.2.2 Petunjuk Subjektif**

Petunjuk ini memerlukan pemerhatian dan pencerapan yang lebih mendalam. Proses pemerhatian dan pencerapan mengambil masa yang lama dan melibatkan unsur subjektif bagi mengukur dan menilai serta perlu merujuk Panduan Deskripsi Skor yang disediakan bagi



menentukan tahap pelaksanaan item yang berkaitan.

#### **4.3 Deskripsi Skor**

Setiap item dinilai berpandukan deskripsi skor yang disediakan. Pengguna hendaklah meneliti deskripsi skor sebelum menentukan skor bagi setiap item petunjuk subjektif. Tahap pelaksanaan bagi petunjuk subjektif diwakili oleh lima (5) pemeringkatan skor iaitu skor 4, 3, 2, 1 dan 0. Skor 4 merupakan skor paling tinggi dan skor 0 merupakan skor paling rendah.

#### **5.0 Pelaksanaan PK-SKPK 2.0**

5.1 Setiap prasekolah awam dan swasta yang berdaftar dengan KPM termasuk prasekolah PPKI dan prasekolah di SPK perlu mengakses dan melaksanakan PK-SKPK 2.0 secara dalam talian melalui laman sesawang <https://smpk.moe.gov.my> pada setiap tahun mulai tahun 2021. Prasekolah tersebut juga perlu memuat turun dokumen SKPK 2.0 iaitu surat pekeliling ikhtisas (SPI)/surat siaran, instrumen dan garis panduan pelaksanaan untuk dijadikan rujukan.

5.2 Setiap prasekolah ini juga hendaklah meneliti dan memahami keseluruhan dokumen SKPK 2.0 bagi membolehkan penilaian dilaksanakan dengan tepat. Penilaian hendaklah dilaksanakan bagi semua DK secara bersepadu kerana setiap dimensi mempunyai hubung kait antara satu sama lain dan saling melengkapi.

5.3 Pihak prasekolah juga hendaklah melaksanakan PK-SKPK 2.0 berdasarkan perkara-perkara berikut:

5.3.1 Merujuk Jadual Pelaksanaan PK-SKPK 2.0 dan Carta Alir Pelaksanaan PK-SKPK 2.0 seperti dalam **Lampiran 1 dan Lampiran 2**;

5.3.2 Memastikan JK Prasekolah ditubuhkan dan berperanan secara kolektif dalam penetapan skor PK-SKPK 2.0;

5.3.3 Mengumpul segala bukti bagi setiap item yang dinilai dengan menyediakan dokumentasi yang lengkap dan kemas kini untuk rujukan;

5.3.4 Menentukan skor secara kolektif bagi setiap item dalam DK merujuk kepada data, maklumat, situasi sebenar dan berpandukan Deskripsi Skor SKPK 2.0; dan

5.3.5 Menyediakan rumusan PK-SKPK 2.0 dengan menyatakan kekuatan, kelemahan dan isu untuk tujuan penambahbaikan.

## **6.0 Peranan dan Tanggungjawab JPN serta PPD**

6.1 Memastikan semua prasekolah di bawah kelolaan jabatan masing-masing melengkapkan PK-SKPK 2.0 dalam tempoh yang ditetapkan.

6.2 Mengurus dan memantau setiap prasekolah di bawah kelolaan jabatan masing-masing bagi memastikan proses pelaksanaan PK-SKPK 2.0 dipatuhi.

6.3 Merujuk instrumen SKPK 2.0 semasa melaksanakan penaziran, pemantauan dan penyeliaan bagi prasekolah di bawah kelolaan jabatan masing-masing.

## **7.0 Peranan dan Tanggungjawab Pengarah/Pengetua/Guru Besar**

7.1 Mengesahkan pengisian skor item yang telah diisi dalam Portal SMPK-Modul SKPK 2.0 mengikut tempoh masa ditetapkan.

7.2 Mengesahkan Laporan Kualiti PK-SKPK 2.0 yang telah dicetak untuk rujukan dan tindakan penambahbaikan.

7.3 Bertanggungjawab terhadap data PK-SKPK 2.0 bagi prasekolah masing-masing.

## **8.0 Peranan dan Tanggungjawab Guru/Penyelaras Prasekolah**

8.1 Muat turun dokumen SKPK 2.0 dari Portal SMPK-Modul SKPK 2.0 melalui laman sesawang <https://smpk.moe.gov.my>.

8.2 Mengemas kini data dan maklumat dalam SMPK terlebih dahulu sebelum melaksanakan PK-SKPK 2.0.

8.3 Menyediakan dan mengemas kini dokumen pengurusan prasekolah untuk rujukan pelaksanaan PK-SKPK 2.0.



- 8.4 Mengisi dan melengkapkan semua data dan maklumat dalam Instrumen SKPK 2.0 yang dicetak bagi setiap kelas prasekolah.
- 8.5 Menyelaras data, maklumat dan skor item bagi semua kelas bersama-sama Guru Prasekolah sebelum dibawa dalam mesyuarat JK Prasekolah (jika terdapat lebih daripada satu kelas prasekolah).
- 8.6 Mengisi data, maklumat dan skor item yang telah diperakukan oleh JK Prasekolah dalam Portal SMPK-Modul SKPK 2.0.
- 8.7 Mencetak Laporan Kualiti PK-SKPK 2.0 untuk disahkan oleh Pengarah/Pengetua/Guru Besar.

## **9.0 Peranan dan Tanggungjawab Jawatankuasa Prasekolah**

- 9.1 Meneliti dan memahami semua dokumen berkaitan SKPK 2.0 iaitu:
  - i. SPI/surat siaran;
  - ii. Instrumen dan Diskripsi Skor SKPK 2.0; dan
  - iii. Garis Panduan Pelaksanaan Standard Kualiti Prasekolah Kebangsaan 2.0.
- 9.2 Menyelaras pelaksanaan PK-SKPK 2.0.
- 9.3 Menyemak data, maklumat dan skor item yang dibuat oleh Guru/Penyelaras Prasekolah berdasarkan evidens sebelum memperakukannya.

9.4 Menyelaras tindakan penambahbaikan berdasarkan Laporan Kualiti PK-SKPK 2.0 yang telah disahkan oleh Pengarah/Pengetua/Guru Besar.

## **10.0 Tempoh**

Tempoh pelaksanaan PK-SKPK 2.0 secara dalam talian oleh semua prasekolah awam dan swasta yang berdaftar dengan KPM bermula mengikut tempoh masa yang ditetapkan setiap tahun berdasarkan ketetapan dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 5 Tahun 2021: Pelaksanaan Standard Kualiti Prasekolah Kebangsaan 2.0 yang dikeluarkan dan tertakluk kepada situasi semasa.

## **11.0 Bantuan Teknikal SKPK 2.0**

Sebarang bantuan dan pertanyaan berkaitan masalah SKPK 2.0 secara dalam talian boleh dimajukan kepada Meja Bantuan melalui e-mel di alamat [skpk@moe.gov.my](mailto:skpk@moe.gov.my).

## **12.0 Tarikh Kuat Kuasa**

Garis panduan ini berkuat kuasa berdasarkan tarikh Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 5 Tahun 2021: Pelaksanaan Standard Kualiti Prasekolah Kebangsaan 2.0.

## **13.0 Penutup**

Kementerian Pendidikan Malaysia membangunkan SKPK 2.0 untuk penarafan kualiti prasekolah dan menetapkan standard minimum prasekolah kebangsaan. Penggunaan kriteria, petunjuk dan instrumen yang standard oleh pelbagai agensi yang

menawarkan prasekolah akan memastikan kualiti program prasekolah seiring dengan visi dan misi pendidikan negara. Kejayaan SKPK 2.0 bergantung penuh kepada komitmen dan sokongan daripada semua pemegang taruh (stakeholder).



### Jadual Pelaksanaan PK-SKPK 2.0

Bil.	Proses	Tindakan
1.	Muat turun dokumen SKPK 2.0 dari Portal SMPK-Modul SKPK 2.0 melalui laman sesawang <a href="https://smpk.moe.gov.my">https://smpk.moe.gov.my</a> .	Guru/ Penyelaras Prasekolah
2.	Meneliti dan memahami semua dokumen berkaitan SKPK 2.0 iaitu: i. SPI/surat siaran ii. Instrumen dan Diskripsi Skor SKPK 2.0 iii. Garis Panduan Pelaksanaan SKPK 2.0	Jawatankuasa Prasekolah
3.	Menyelaras pelaksanaan PK-SKPK 2.0.	Jawatankuasa Prasekolah
4.	Mengemas kini maklumat dalam SMPK.	Guru Prasekolah
5.	Menyediakan dan mengemas kini dokumen yang berkaitan.	Guru Prasekolah
6.	Mengisi data, maklumat dan skor item bagi setiap kelas menggunakan Instrumen SKPK 2.0 yang dicetak.	Guru Prasekolah
7.	Menyelaras data, maklumat dan skor item sekiranya terdapat lebih daripada satu kelas prasekolah.	Penyelaras Prasekolah
8.	Menyemak data, maklumat dan skor item yang dibuat oleh Guru/Penyelaras Prasekolah berdasarkan evidens sebelum memperakukannya.	Jawatankuasa Prasekolah
9.	Mengisi data, maklumat dan skor item yang telah diperakukan oleh Jawatankuasa Prasekolah dalam Portal SMPK-Modul SKPK 2.0 mengikut tempoh masa yang ditetapkan dalam SPI/surat siaran.	Guru/ Penyelaras Prasekolah

<b>Bil.</b>	<b>Proses</b>	<b>Tindakan</b>
10.	Mengesahkan pengisian skor item yang telah diisi dalam Portal SMPK-Modul SKPK 2.0 mengikut tempoh masa yang ditetapkan dalam SPI/surat siaran.	Pengarah/Pengetua/ Guru Besar
11.	Mencetak Laporan Kualiti PK-SKPK 2.0 untuk disahkan oleh Pengarah/Pengetua/ Guru Besar.	Guru/ Penyelaras Prasekolah
12.	Mengesahkan Laporan Kualiti PK-SKPK 2.0 yang telah dicetak untuk rujukan.	Pengarah/Pengetua/ Guru Besar
13.	Menyelaras tindakan penambahbaikan berdasarkan Laporan Kualiti PK-SKPK 2.0 yang telah disahkan oleh Pengarah/Pengetua/ Guru Besar.	Jawatankuasa Prasekolah

**Carta Alir Pelaksanaan PK-SKPK 2.0**

